

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP MASALAH SOSIAL: SUATU KAJIAN DI POLITEKNIK MALAYSIA

Sarrunnida Binti Ahmad Zaine
Politeknik Nilai, Negeri Sembilan
nida.zaine@gmail.com

Isrul Hasrita Binti Ismail
Politeknik Nilai, Negeri Sembilan
hasrita.ismail@gmail.com

Abstrak: Kajian ini bertujuan meninjau persepsi dan kesedaran pelajar terhadap masalah sosial di Politeknik Malaysia. Justeru itu, ia adalah berkait rapat dengan mendapatkan pandangan pelajar tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada permasalahan sosial dalam kalangan pelajar politeknik serta jenis-jenis permasalahan sosial yang sering berlaku di dalam kampus pengajian mereka. Faktor-faktor yang dikaji adalah diri sendiri, ibu bapa, pengaruh rakan dan pengaruh media. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen dan melibatkan seramai 237 orang pelajar sebagai sampel dari tujuh (7) buah politeknik di Malaysia. Hasil dapatan kajian menunjukkan pelajar secara keseluruhannya mempunyai pengetahuan dan kesedaran yang tinggi tentang permasalahan sosial. Namun begitu, mereka dilihat kurang berminat untuk mengambil tahu tentang permasalahan sosial yang wujud di kampus pengajian mereka. Kajian ini turut memberi indikator bahawa pelajar mengakui bahawa kesemua faktor yang dikaji merupakan penyumbang kepada permasalahan sosial yang wujud dalam kalangan pelajar politeknik dengan purata skor min bagi setiap faktor adalah di dalam lingkungan nilai 3.9. Dari segi jenis-jenis masalah sosial yang sering berlaku dalam kalangan pelajar politeknik pula, 15 peratus pelajar berpendapat pergaulan bebas di antara lelaki dan wanita, 11 peratus berpendapat keterlibatan dengan bahan lucah dan pornografi, 10 peratus mengatakan mencuri barang rakan, 9 peratus berpendapat terlibat dengan minuman keras/memabukkan, 8 peratus mengatakan aktiviti membuli, gengsterisme, dadah, lumba haram dan membuat hubungan seks di luar nikah bersama teman istimewa, 7 peratus mengatakan amalan seks bebas, 5 peratus berpendapat keterlibatan dengan LGBT dan 3 peratus mengatakan membuang bayi.

Kata Kunci : *masalah sosial, persepsi, faktor-faktor penyumbang masalah sosial dan jenis-jenis masalah sosial.*

1. Pengenalan

Masalah sosial merupakan fenomena modenisasi dan kejutan budaya yang melanda golongan remaja dan belia. Pada zaman remaja, seseorang itu berdepan dengan satu siri krisis identiti iaitu pembentukan dan pengembangan identiti diri. Kegagalan untuk mengatasi cabaran itu membuatkan remaja mengalami krisis kekeliruan. Kewujudan masalah sosial ini membawa kepada masalah disiplin (Azyyati, 2017). Oleh itu satu kajian telah dijalankan bagi mengkaji permasalahan masalah sosial yang melibatkan golongan remaja di politeknik pada masa ini.

1.1 Masalah Sosial Golongan Remaja

Azizan (2015) menyatakan masalah sosial boleh diertikan sebagai perihal kemasyarakatan yang memerlukan penyelesaian dan menimbulkan kesukaran dan kesulitan. Masalah sosial adalah sesuatu yang merangkumi pelbagai tingkah laku negatif di dalam anggota masyarakat yang tidak memberikan faedah kepada kekuatan sistem dan struktur ekonomi yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat, komuniti ataupun negara. Banyak faktor yang mendorong remaja pada masa kini

terlibat dalam masalah sosial yang kurang sihat ini. Menurut Abd. Rahim (2006), penglibatan remaja dalam pelbagai masalah sosial berpunca daripada beberapa faktor, antaranya faktor dalaman diri remaja itu sendiri dari aspek perkembangan personaliti, kegagalan fungsi institusi keluarga dan juga pengaruh rakan sebaya. Zainal dan Sharani (2004) pula menyatakan pengaruh persekitaran di sekolah juga menjadi punca keruntuhan akhlak di kalangan remaja.

Masalah masalah sosial di Malaysia tidak boleh dipandang sepi. Hari demi hari, masalah ini semakin serius merebak, melarat, malah sudah menjadi lumrah dalam dunia pendidikan (Baharom Mohamad et al., 2008; Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan, 2009). Perlu ditegaskan permasalahan ini tidak boleh dipandang ringan kerana sekolah atau mana-mana institusi pendidikan merupakan tempat proses P&P berlaku. Suasana kondusif amat diperlukan supaya keberkesanan kedua-dua proses tersebut berjaya dimanfaatkan oleh pelajar (Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan, 2009)

Krisis kekeliruan yang menguasai diri remaja jika tidak dibendung dan di atasi boleh menyebabkan masalah sosial yang sememangnya parah akan bertambah parah. Fenomena ini merupakan salah satu daripada ancaman kepada sumber tenaga manusia boleh merugikan negara dalam jangka masa panjang. Oleh itu, segala masalah sosial yang dihadapi oleh para remaja harus dibendung dan diatasi supaya ia tidak terus mewujudkan ancaman besar terhadap pembangunan dan kemajuan negara.

Menurut Abd. Rahim (2006), golongan remaja menyesuaikan dirinya dengan faktor-faktor persekitaran keluarga, persekitaran sosial dan budaya yang akan mencorakkan perkembangan tingkah laku mereka. Memandangkan remaja merupakan aset kekayaan semulajadi negara dan bakal memainkan peranan penting dalam mencorakkan masa depan politik, ekonomi dan kemasyarakatan di negara kita, maka penyelidik merasakan kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial perlu dibuat dan dilaksanakan. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji empat faktor yang dirasakan menjadi penyebab utama kepada berlakunya masalah sosial di kalangan remaja. Faktor-faktor yang dikaji termasuklah faktor latar belakang diri sendiri, faktor latar belakang keluarga, bentuk pengaruh rakan sebaya, didikan agama dan juga permasalahan persekitaran berlakunya gejala sosial di kalangan pelajar politeknik.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesedaran pelajar terhadap masalah sosial di politeknik. Seterusnya, kajian ini mengkaji persepsi pelajar terhadap faktor yang menyumbang kepada masalah sosial di politeknik. Kajian ini juga mengenalpasti persepsi masalah sosial yang utama di kalangan pelajar politeknik iaitu mengenalpasti tahap kesedaran pelajar terhadap masalah sosial di politeknik, mengenalpasti persepsi pelajar terhadap faktor yang menyumbang kepada masalah sosial di politeknik dan mengenalpasti persepsi masalah sosial yang utama di dalam kalangan pelajar politeknik.

1.2 Kajian Literatur

Kajian- kajian berkenaan dengan masalah sosial telah banyak dilakukan untuk mencari punca terjadinya masalah sosial di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Pelbagai teori, faktor dan punca telah ditemui dan dikenalpasti atas sebab psikologi manusia yang berbeza-beza antara satu sama lain. Faktor yang menyumbang kepada penglibatan dalam aktiviti berisiko juga telah dikaji oleh beberapa penyelidik. iaitu Rozumah et. al. (2005), melalui kajiannya yang melibatkan remaja 13 hingga 18 tahun mendapati beberapa faktor individu dan persekitaran berkait secara signifikan dengan penglibatan dalam masalah sosial.

Institusi kekeluargaan merupakan tunjang dalam pembentukan sahsiah dalam diri seseorang remaja. Keluarga merupakan pihak yang banyak mempengaruhi sikap, tutur kata, dan personaliti seseorang itu.

Kebanyakan perilaku seseorang itu adalah wujud daripada latihan dan tingkah laku yang biasa dirumah mereka. Menurut Calhoun Jurgens dan Chen (1993) mendapati masalah sosial lebih banyak berlaku daripada rumahtangga yang retak atau ibu tunggal berbanding daripada keluarga yang normal. Begitu juga menurut Norhayati (1994) dalam kajiannya mendapati pelajar daripada keluarga yang bercerai banyak terlibat dengan masalah sosial. Kajian yang ditulis oleh Noor Adiah (1998) dan Norhayati (1994), antaranya, mendapati masalah sosial ada kaitan dengan pendapatan keluarga.

Menurut Wan Asiah (2003) pengabaian dari sudut kasih sayang dan kurangnya komunikasi yang berkesan antara remaja dan ibu bapa adalah punca utama gejala sosial. Anak-anak remaja dianggap sudah matang untuk berfikir dan dilepaskan untuk bertindak mengikut kehendak hati mereka tanpa pengawasan dan pengawalan keluarga. Ditambah pula dengan kesibukan ibu bapa bekerja dari pagi sampai ke petang menyebabkan masa untuk bersama anak-anak amat terhad.

Pengaruh rakan sebaya boleh menyumbang kepada berlakunya salah laku terutamanya kepada pelajar-pelajar yang tercicir dalam pelajaran dan mengalami masalah keluarga. Rakan sebaya boleh mencorak personaliti individu, kawan yang baik, boleh membimbing mereka kepada kebaikan, namun jika tersilap memilih kawan, akan mempengaruhi mereka kepada perkara-perkara yang buruk. Menurut Zainal dan Sharani (2004) dalam kajiannya menyatakan pengaruh persekitaran di sekolah antaranya rakan sebaya juga menjadi punca keruntuhan akhlak pelajar. Kajian Mustafa Fahmi (1971) menyatakan remaja cenderung menuruti tingkah laku kumpulan yang mana ia berada di dalamnya.

Pengaruh modenisasi dan globalisasi ini lebih terasa dan ketara dengan bantuan berbagai alat media-massa yang serba canggih. Media massa merupakan sumber maklumat yang cukup berkesan dalam penyebaran berbagai informasi. Melalui teknologi yang semakin canggih ini, golongan belia mudah terdedah kepada banyak maklumat, namun tidak semua maklumat-maklumat itu sesuai untuk kesemua peringkat umur. Menurut Wan Norina W.H., Zaharah,H.,Ahmad, F.,Mohamed ,Y., & Ahmad Arifin,S. (2013) melalui kajiannya menyatakan salah satu penyebab berlakunya keruntuhan akhlak remaja masa kini adalah hasil daripada bahan dan rancangan media massa yang dipaparkan dalam negara. Ini menjadi masalah kerana lazimnya golongan belia mudah meniru dan mengikut hal yang dilihat di sekeliling mereka. Paparan adegan-adegan negatif dari filem barat menimbulkan perasaan ingin tahu dan ingin cuba sendiri mengikut apa yang ditonton. Melalui internet umpamanya, masyarakat yang berfikiran kurangsehat dengan mudahnya boleh akses kepada maklumat-maklumat yang boleh menjurus kearah pemikiran negatif.

Masalah sosial kini wujud adalah juga disebabkan dengan kekurangan ilmu agama di kalangan para remaja kita masa kini. Menurut Sidek Baba , Berita Harian, Sabtu, 13 Dis. 2008, pelajar kini hanya diajar untuk menghafal bukan untuk memahami ajaran agama, ini menyebabkan pelajar yang mendapat markah yang baik dalam peperiksaan namun terjebak dalam gejala dadah. Tidak mustahil juga para pelajar ini akan terlibat dengan gejala sosial lain tidak hanya gejala dadah. Beliau turut menyebut bahawa mata pelajaran agama dapat digunakan secara berkesan dengan mengaplikasikannya kedalam kehidupan seharian. Dengan cara ini pelajar akan lebih memahami akan fungsi ilmu agama dalam kehidupan seharian dan dapat terus mengaplikasikannya kedalam kehidupan seharian mereka

Sebagai rumusan, masalah sosial dalam kalangan pelajar pada hari ini akan memberikan kesan dan impak yang besar kepada individu, masyarakat dan negara. Remaja merupakan aset negara, penyambung penyambung warisan dan masa depan negara. Remaja pada alaf ini berhadapan dengan cabaran an cabaran yang sangat hebat, iaitu berhadapan dengan teknologi dan modenisasi. Keluarga, sekolah, komuniti, pemimpin dan kerajaan harus sama harus sama-sama berganding bahu membentuk sahsiah sama berganding bahu membentuk sahsiah diri pelajar dari terjerumus kepada keruntuhan akhlak yang boleh memusnahkan masa depan negara.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan rekabentuk kajian yang dipilih adalah bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Analisa data dijalankan dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) Statistics version 25*.

2.1 Instrumen Kajian


Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini adalah soal selidik yang terdiri daripada tiga (3) Bahagian. Kajian rintis yang dijalankan menunjukkan soal selidik kajian mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Maklumat soal selidik dan nilai kebolehpercayaan item ditunjukkan seperti Jadual 1.1 berikut.

Jadual 1.1 Maklumat Instrumen Kajian


Kandungan	Perkara	Bilangan Item	Nilai Alpha Cronbach
Bahagian A	Maklumat diri responden	5	
Bahagian B	Kesedaran pelajar terhadap masalah sosial	5	0.848
	Faktor diri sendiri	5	0.776
	Faktor ibu bapa / keluarga	6	0.893
	Faktor pengaruh rakan	4	0.879
	Faktor pengaruh media	5	0.915
Bahagian C	Jenis masalah sosial yang sering berlaku dalam kalangan pelajar	1	

2.2 Responden Kajian


Responden kajian adalah terdiri daripada 237 orang pelajar dari tujuh (7) buah Politeknik di Malaysia. Rajah 1.2 menunjukkan taburan responden mengikut politeknik, manakala rajah 1.3,1.4,1.5 dan 1.6 masing-masing menunjukkan maklumat jantina, bangsa, umur dan semester pengajian responden.




Rajah 1.2 Taburan Responden Mengikut Politeknik




Rajah 1.3 Jantina Responden



Rajah 1.4 Bangsa Responden



Rajah 1.5 Umur Responden



Rajah 1.6 Semester Pengajian Responden

3. Dapatan Kajian

Kajian ini bertujuan mendapatkan tahap kesedaran responden terhadap masalah sosial dan tahap persepsi responden terhadap faktor-faktor penyumbang masalah sosial di politeknik. Untuk tujuan itu, pengkaji menggunakan jadual 2.1 berikut bagi membuat interpretasi tahap skor min dapatan kajian.

Skor min	Intrepretasi tahap
1.00 – 1.80	Sangat rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.20	Sederhana
3.21 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat tinggi

Sumber : Moidunny (2009) Jadual 2.1 Jadual Interpretasi Skor Min

3.1 Tahap Kesedaran Pelajar Terhadap Masalah Sosial di Politeknik

	N	Skor Min	Sisihan Piawai	Tafsiran Tahap
Kesedaran pelajar terhadap masalah sosial	237	3.8498	0.52631	Tinggi

Jadual 2.2 Skor Min Tahap Kesedaran Responden Terhadap Masalah Sosial

Jadual 2.2 menunjukkan dapatan skor min dan analisa tahap kesedaran responden terhadap masalah sosial yang berlaku di politeknik secara keseluruhannya mencatatkan nilai 3.85. Dapatan ini membawa maksud responden mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap masalah sosial yang berlaku di kampus mereka.

Dapatan ini menunjukkan masalah sosial bukanlah sesuatu yang janggal di dalam masyarakat umumnya dan pelajar politeknik sendiri secara khususnya. Rata-rata pelajar di dalam kajian ini mempunyai pengetahuan am tentang masalah sosial dan maklum punca-punca terjadinya masalah sosial. Kebanyakannya juga berpendapat bahawa masalah sosial wujud dalam kalangan pelajar politeknik, malah mereka juga sedar kesan kepada diri jika terlibat dengan masalah sosial di politeknik.

Dapatan ini selari dengan Mohammad Abu Bakar (2010) yang menemukan pelajar Universiti Teknologi Malaysia yang menetap di kolej kediaman universiti itu mempunyai tahap kesedaran yang tinggi tentang masalah sosial yang berlaku di kampus mereka. Mohd Nasir Mansor dalam kajian yang dijalankan di universiti yang sama pada tahun 2004 juga mendapati pelajar sedar bahawa gejala sosial dalam kalangan pelajar IPT adalah pada tahap yang tinggi. Badlihisham dan rakan-rakan (2014) telah menjalankan kajian melihat persepsi remaja terhadap isu-isu sosial di Felda Tasik Cini turut mendapati, masalah sosial difahami oleh sebilangan besar remaja di situ. Ini berikutan kepada persepsi remaja secara meyoritinya sangat tidak setuju kepada fenomena kewujudan masalah sosial di kawasan mereka.

Dapatan-dapatan yang disebutkan di atas merupakan sebahagian kecil daripada kajian-kajian yang banyak dijalankan di negara ini. Dan jika dilihat, kebanyakan kajian mendapati subjek kajian mempunyai pengetahuan tentang masalah sosial yang wujud di kawasan mereka. Perkara ini bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana isu-isu sosial telah lama membarah di dalam masyarakat sejak dahulu lagi, terutamanya dalam kalangan remaja. Malah ia sering dibincangkan di media-media. Jadi adalah mustahil untuk seseorang pelajar itu tidak memahami dan mengetahui tentang masalah sosial. Walaupun bentuk masalah sosial yang diketahui oleh pelajar mungkin tidak wujud dalam kalangan pelajar politeknik, namun ia dapat menjadi asas untuk menilai sesuatu perbuatan itu tergolong dalam masalah sosial ataupun tidak.

Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati pelajar kurang berminat untuk mengambil tahu tentang masalah sosial yang berlaku di kampus mereka. Penemuan ini sama seperti Mohammad Abu Bakar (2010). Dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa walaupun pelajar faham akan maksud, kesan dan faktor serta mengetahui akan wujudnya masalah sosial tetapi mereka kurang sensitif terhadap masalah sosial yang berlaku di kampus mereka.

3.2 Persepsi Pelajar Terhadap Faktor-Faktor Penyumbang Masalah Sosial Di Politeknik

Faktor Penyumbang Masalah Sosial	N	Skor Min	Sisihan Piawai	Tafsiran Tahap
Faktor diri sendiri	237	3.9308	0.61170	Tinggi
Faktor pengaruh rakan	237	3.9684	0.61155	Tinggi
Faktor pengaruh media	237	3.9544	0.70491	Tinggi
Faktor ibu bapa / keluarga	237	3.9044	0.59935	Tinggi

Jadual 2.3 Skor Min Persepsi Responden Terhadap Faktor Penyumbang Masalah Sosial

Kajian ini mengkaji persepsi pelajar terhadap empat faktor penyumbang kepada masalah sosial iaitu diri sendiri, ibu bapa, pengaruh rakan dan pengaruh media. Jadual 2.3 menunjukkan skor min persepsi responden terhadap setiap faktor yang dikaji. Dapatan menunjukkan nilai skor min bagi setiap faktor adalah di dalam lingkungan 3.90 hingga 3.96. Ini bermakna persepsi pelajar terhadap semua faktor yang dikaji adalah pada tahap yang tinggi dengan nilai skor min adalah lebih kurang sama bagi setiap faktor iaitu di dalam lingkungan 3.9.

Dapatan ini bukanlah sesuatu yang baharu kerana kebanyakan kajian tentang masalah sosial mendapati faktor-faktor yang dikaji tersebut merupakan antara penyumbang utama kepada masalah sosial dalam pelbagai golongan masyarakat terutamanya golongan remaja. Sebagai contoh Rokiah Hj Ismail (2000b: 498-535) mengatakan Antara faktor utama yang mempengaruhi remaja terlibat dengan masalah sosial adalah pengaruh rakan, masalah dalam keluarga, keadaan ekonomi keluarga yang secara relatif rendah, kawalan sosial keluarga yang kurang berkesan, dan perilaku untuk menikmati kebebasan.

Kajian oleh Zaliha Kamarudin et.al (2008) juga mengatakan faktor-faktor penyumbang kepada berlakunya masalah sosial menurut perspektif masyarakat Felda adalah nilai keluarga yang materialistik dan tidak mengambil berat tentang tingkah laku dan kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak Felda. Masalah sosial ini seterusnya menjadi lebih serius di mana anak-anak Felda mula terlibat dengan penyalahgunaan dadah yang mana mendorong pula kepada berlakunya masalah-masalah sosial yang lain seperti mencuri, merogol, dan pecah rumah.

Kajian ini juga selari dengan Badlihisam dan rakan-rakan (2014) yang merumuskan pengaruh rakan sebaya, sifat ingin mencuba dan sukakan keseronokan merupakan faktor utama yang menyumbang kepada masalah sosial dalam kalangan belia Felda Chini, selain faktor-faktor lain seperti pengaruh media massa, wujudnya pusat hiburan dan tempat melepak serta kemudahan penggunaan motosikal di kawasan felda dan kurangnya sikap ambil peduli masyarakat terhadap pembendungan isu gejala sosial.

Bil.	Item	Skor min	Tafsiran tahap
Faktor diri sendiri			
1	Saya berpendapat remaja terlibat dengan masalah sosial kerana ingin mencuba.	4.03	Tinggi
2	Saya berpendapat remaja terlibat dengan masalah sosial kerana berasa seronok melakukannya.	4.08	Tinggi
3	Saya berpendapat seseorang yang terlibat dengan masalah sosial kerana tidak peduli dengan ajaran agama.	3.75	Tinggi

Bil.	Item	Skor min	Tafsiran tahap
4	Saya berpendapat seseorang yang terlibat dengan masalah sosial kerana inginkan kebebasan dalam hidup.	4.00	Tinggi
5	Saya berpendapat seseorang yang terlibat dengan masalah sosial kerana lebih suka berkawan dengan rakan-rakan yang mengamalkan gaya hidup tidak sihat.	3.81	Tinggi
Faktor ibu bapa / keluarga			
6	Saya berpendapat, hubungan keluarga yang renggang boleh menjerumuskan seseorang ke dalam masalah sosial.	4.08	Tinggi
7	Saya berpendapat, kurangnya perhatian ibu bapa boleh menjerumuskan seseorang ke dalam masalah sosial.	4.12	Tinggi
8	Saya berpendapat, kebanyakan pelajar politeknik yang terlibat dengan masalah sosial datang daripada keluarga yang bermasalah.	3.46	Tinggi
9	Saya berpendapat, kepercayaan yang terlampau tinggi diberikan oleh ibu bapa boleh menyebabkan seseorang bebas melakukan apa sahaja yang dia mahu.	3.92	Tinggi
10	Saya berpendapat seseorang terlibat dengan masalah sosial adalah kerana kurangnya didikan agama dari ibu bapa.	3.75	Tinggi
11	Saya berpendapat remaja terlibat dengan masalah sosial kerana ibu bapa tidak peka dengan pergaulan anak-anak remaja mereka.	4.01	Tinggi
Faktor pengaruh rakan			
12	Saya berpendapat remaja mudah terpengaruh dengan ajakan rakan untuk melibatkan diri dengan aktiviti tidak sihat.	4.13	Tinggi
13	Saya berpendapat remaja terikut dengan perbuatan buruk rakan kerana tidak mahu dipinggirkan.	3.95	Tinggi
14	Saya berpendapat remaja lebih cenderung mendengar pendapat rakan berbanding pendapat ibu bapa / keluarga.	3.85	Tinggi
15	Saya berpendapat remaja lebih cenderung mengadu masalah kepada rakan berbanding ibu bapa / keluarga kerana bimbang dimarahi.	3.95	Tinggi

Faktor pengaruh media			
16	Saya berpendapat remaja terutamanya pelajar di IPTA kini mudah untuk mengakses bahan-bahan negatif dari internet.	3.97	Tinggi
17	Saya berpendapat drama / filem juga memberi pengaruh negatif kepada remaja sehingga mereka	3.92	Tinggi

Bil.	Item	Skor min	Tafsiran tahap
	terlibat dengan masalah sosial.		
18	Saya berpendapat penggunaan gajet masa kini seperti telefon pintar yang mempunyai pelbagai fungsi canggih menjadi penyebab kepada masalah sosial.	3.96	Tinggi
19	Saya berpendapat aplikasi-aplikasi sosial masa kini seperti Facebook, Instagram, Whatsapp, Twitter dan sebagainya menjadi penyebab kepada masalah sosial.	3.82	Tinggi
20	Saya berpendapat bahan-bahan yang boleh memberi pengaruh negatif kepada remaja seperti seks bebas, keganasan, dadah, minuman keras dan akhlak buruk adalah sangat mudah diakses di internet.	4.11	Tinggi

Jadual 2.4 Skor Min Persepsi Responden Bagi Semua Item Faktor-Faktor Dikaji


Jadual 2.4 menunjukkan skor min persepsi responden terhadap setiap item soal selidik. Bagi faktor diri sendiri, item berkaitan terlibat dengan masalah sosial kerana ingin mencuba, berasa seronok melakukannya dan inginkan kebebasan mendapat skor tertinggi iaitu di dalam lingkungan nilai 4.0. Dapatan ini bersetuju dengan kajian oleh Zainudin & Norazmah (2011) yang mengatakan faktor diri sendiri paling mempengaruhi responden terlibat dalam masalah sosial berbanding pengaruh rakan sebaya dan pemasalahan persekitaran sekolah. Begitu juga dengan Usman Ahmad Karofi (2005) yang membuat kajian tentang jenayah dan penyalahgunaan dadah mendapati punca jenayah dilakukan adalah kerana mahu menampung tabiat penggunaan dadah yang mana boleh ditafsirkan sebagai faktor diri sendiri.

Bagi faktor ibu bapa dan keluarga pula, item kurang perhatian ibu bapa, hubungan keluarga yang renggang dan ibu bapa tidak peka dengan pergaulan anak-anak mendapat nilai skor min yang tinggi iaitu di antara 4.1 hingga 4.12. Dapatan ini menunjukkan kecenderungan anak-anak remaja untuk melibatkan diri dengan masalah social adalah tinggi sekiranya kurangnya perhatian dan pemantauan ibu bapa terhadap aktiviti anak-anak di luar rumah.

Bagi faktor pengaruh rakan pula, kajian mendapati item mudah terpengaruh dengan ajakan rakan memperoleh skor min tertinggi dengan nilai 4.13. Manakala bagi faktor pengaruh media, item bahan-bahan yang boleh memberi pengaruh negatif kepada remaja seperti seks bebas, keganasan, dadah, minuman keras dan akhlak buruk adalah sangat mudah diakses di internet mendapat skor min tertinggi dengan nilai 4.11. Dapatan ini amatlah menggerunkan kita kerana ini menggambarkan betapa mudahnya bahan-bahan negatif dapat diakses di internet pada masa kini dan mengancam akhlak dan nilai masyarakat. Sekiranya bahan-bahan sebegini tidak dibendung di internet, maka usaha untuk menerapkan nilai-nilai dan akhlak terpuji kepada golongan kanak-kanak dan remaja menjadi sia-sia.

3.3 Jenis Masalah Sosial Yang Sering Berlaku Dalam Kalangan Pelajar Politeknik.

Rajah 3.1 menunjukkan persepsi responden terhadap masalah sosial yang kerap berlaku dalam kalangan pelajar politeknik. Dapatan menunjukkan pergaulan bebas di antara lelaki dan wanita merupakan masalah sosial yang sering berlaku di politeknik (15%) diikuti dengan terlibat dengan bahan lucah atau pornografi (11%), mencuri (10%), terlibat dengan minuman keras atau memabukkan (9%), aktiviti membuli, gengsterisme, dadah, lumba haram dan membuat hubungan seks di luar nikah bersama teman istimewa (masing-masing 8%) , mengamalkan seks bebas (7%) , terlibat dengan LGBT (Lesbian, Biseksual, Gay dan Transgender) (5%) serta membuang bayi (3%).



Rajah 3.1 Masalah Sosial Yang Sering Berlaku Di Politeknik

Dapatan kajian ini selari dengan Mohamed Nazrin (2018) yang menyimpulkan keruntuhan moral di kalangan ahli masyarakat khususnya pelajar-pelajar sekolah, muda-mudi hari ini di semua peringkat digambarkan menerusi perlakuan seks bebas, kehamilan luar nikah, pembuangan bayi, kesalahan juvana dan penagihan dadah. Begitu juga kajian oleh Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan (2011) mendapati masalah-masalah sosial seperti mencuri, menyamun, bergaduh, lari dari rumah, perlakuan seks bebas, kehamilan luar nikah, pembuangan bayi dan sebagainya yang membabitkan remaja menunjukkan kadar peningkatan yang semakin membimbangkan. Selain itu, kajian oleh Mohd Dahlan A. Malek & Ida Shafinaz Mohamed Kamil (2005) yang dilakukan ke atas remaja bandar menunjukkan masalah sosial yang sering berlaku dalam kalangan remaja di bandar adalah pergaulan bebas, aktiviti pemerdagangan manusia, jenayah siber, penyalahgunaan dadah, ketagihan alkohol, aktiviti seks bebas, pembuangan bayi, lumba haram dan jenayah ragut.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan pelajar berpendapat pergaulan bebas di antara lelaki dan wanita merupakan satu masalah sosial yang sering berlaku di politeknik, diikuti dengan keterlibatan dengan bahan lucah atau pornografi. Menurut World Health Organisations (WHO) remaja adalah mereka yang berada pada tahap transisi antara zaman kanak-kanak dan dewasa yang berusia di antara 12 hingga 24 tahun. Dalam melalui fasa ini, remaja seringkali mengalami isu pertumbuhan fizikal yang pesat, ketidakstabilan emosi, krisis autonomi dan kebergantungan, krisis identiti, krisis keyakinan dalam beragama, penghargaan sendiri, masalah seksualiti, konflik dengan ibu bapa dan pengaruh rakan sebaya.

Pertumbuhan fizikal dan seksualiti ini menyebabkan remaja cenderung untuk bergaul dengan jantina berbeza. Malah kadang kala memenuhi sifat ingin tahu mereka dengan terlibat dengan bahan lucah dan pornografi yang mudah diperolehi melalui internet. Dan sekiranya mereka tidak bijak dalam menguruskan emosi dan membataskan pergaulan, maka hubungan yang pada mulanya hanyalah rakan biasa, akan menjurus kepada kelakuan sumbang, seks bebas dan pembuangan bayi. Satu kajian oleh Farawahida dan Norazila (2011) yang dilaksanakan tentang amalan seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA mendapati persepsi pelajar terhadap amalan seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA adalah tinggi dengan media massa menjadi antara faktor utama berlakunya amalan tersebut. Keadaan

ini amatlah dikhuatiri turut berlaku dalam kalangan pelajar politeknik hasil daripada pergaulan bebas dan menonton bahan pornografi tersebut. Tambahan pula dapatan kajian ini turut menunjukkan peratusan yang membimbangkan bagi amalan seks bebas dan melakukan hubungan seks luar nikah bersama teman istimewa.

Kajian ini juga mendapati kegiatan mencuri dalam kalangan pelajar politeknik menunjukkan peratus yang membimbangkan. Akhbar Sinar Harian bertarikh bertarikh 26 Mac 2014 telah melaporkan tentang kejadian pecah rumah sewa pelajar IPT yang sering berlaku dan mendapati sebahagian daripada suspek yang dikesan adalah pelajar IPT. Akhbar yang sama bertarikh 11 Mac 2014 pula melaporkan salah seorang suspek yang terlibat secara aktif dengan kegiatan mencuri kenderaan di Seberang Jaya, Pulau Pinang merupakan pelajar IPT dan turut mempunyai rekod jenayah berkaitan dadah.

Malah banyak juga laporan akhbar tentang kesalahan-kesalahan jenayah yang dilakukan oleh remaja termasuk yang sedang bersekolah mahupun yang sedang menuntut di kolej. Contohnya seperti yang dilaporkan oleh akhbar Metro pada 25 Oktober 2018 iaitu sebanyak 1,440 kes membabitkan pelbagai kesalahan jenayah termasuk bunuh, rogol, mendatangkan kecederaan, curi, curi kenderaan, ragut dan pecah rumah yang dilakukan oleh golongan bergelar pelajar pada 2017.

Selain itu, dapatan turut menunjukkan masalah sosial lain seperti terlibat dengan dadah, minuman yang memabukkan, gengsterisme dan buli juga pada kadar yang membimbangkan dan boleh menjadi satu penyakit sosial jika tidak dibendung pada peringkat ini.

4. Perbincangan

Kajian ini menyimpulkan pelajar politeknik secara keseluruhannya mengetahui, memahami dan mempunyai kesedaran tentang masalah sosial yang berlaku di kampus mereka. Majoriti pelajar berpendapat ke semua faktor yang dikaji di dalam kajian ini iaitu diri sendiri, ibu bapa, pengaruh rakan dan media massa merupakan penyumbang kepada berlakunya masalah sosial dalam kalangan pelajar politeknik. Secara umumnya, apabila seseorang remaja lepasan sekolah melanjutkan pelajaran di politeknik, mereka akan mula belajar hidup berjauhan daripada ibu bapa dan keluarga. Secara tidak langsung rakan-rakan menjadi orang terdekat dengan mereka dan sekiranya mereka tersilap memilih rakan, pasti mereka akan mudah terpengaruh dengan tabiat buruk rakan seterusnya terlibat dengan masalah sosial. Ditambah pula dengan tiadanya pemantauan dari ibu bapa terutamanya berkaitan lingkungan sosial anak-anak disebabkan anak tidak lagi tinggal bersama di rumah. Telefon pintar yang dibekalkan ibu bapa sebagai alat perhubungan dan kemudahan mencari maklumat tentang bidang pengajian menjadi penambah kepada masalah ini apabila ianya turut digunakan untuk tujuan bersosial yang tidak sihat dan mengakses bahan-bahan negatif.

Dapatan-dapatan ini memberi gambaran awal kepada kita bahawa setiap satu faktor yang dikaji mempunyai perkaitan di antara satu sama lain dalam menyumbang kepada keterlibatan pelajar politeknik dalam masalah sosial. Ianya bermula daripada tinggal berjauhan dengan keluarga yang menjurus kepada kurangnya perhatian ibu bapa dan perubahan lingkungan sosial terdekat daripada ahli keluarga kepada rakan-rakan baru. Seterusnya terpengaruh dengan tabiat buruk rakan yang pada mulanya hanya ingin mencuba sesuatu yang dirasakan baharu dan mencabar sehingga akhirnya berasa seronok pula melakukannya. Ini diburukkan lagi dengan pengaruh media dan media-media sosial dengan kepelbagaian cerita, berita dan aplikasi yang bukan sedikit memberi pengaruh negatif kepada remaja yang baru mula belajar hidup berdikari.

Pihak politeknik sebagai sebuah institusi pendidikan yang bertanggungjawab bukan sahaja memberi ilmu dan kemahiran tetapi juga berperanan membangunkan sahsiah dan jati diri pelajar sentiasa

menganjurkan program-program berbentuk motivasi, pengukuhan nilai-nilai murni dan akhlak terpuji serta keagamaan kepada pelajar. Bukan itu sahaja pihak politeknik sentiasa menyokong dan menggalakkan pelajar menyertai aktiviti-aktiviti berfaedah seperti sukan, kelab dan kesukarelawan melalui penubuhan kelab dan persatuan serta program-program berkaitan. Sungguhpun begitu, amatlah mengecewakan kerana masih terdapat pelajar yang terlibat dengan masalah sosial.

5. Kesimpulan

Hakikatnya, sejak dahulu lagi, pelbagai kajian terutamanya dalam mendapatkan jawapan yang tepat kepada faktor dan punca remaja terlibat dengan masalah sosial ini telah banyak dilakukan oleh pelbagai pihak. Walau sebanyak manapun masalah sosial ini dibincang dan diperdebatkan, ianya tetap berlaku pada tahap yang membimbangkan. Malah walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan umumnya dan Politeknik khususnya bagi mendidik pelajar dengan nilai-nilai murni, masih terdapat pelajar yang tetap melibatkan diri dengan masalah sosial meskipun mereka tahu dan sedar perbuatan tersebut boleh mendatangkan kesan buruk bukan sahaja kepada diri sendiri malah kepada keluarga dan masyarakat sekeliling.

Apa yang pasti, semua pihak bermula dari diri pelajar itu sendiri, keluarga, institusi pendidikan, masyarakat dan kerajaan mempunyai tanggungjawab bagi memastikan pelajar yang bakal menjadi peneraju negara ini memiliki mentality yang positif dan bencikan gaya hidup negatif. Saranan Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan (2011) agar ibu-bapa, orang dewasa, pendidik dan masyarakat perlu mengambil perhatian terhadap perkembangan remaja serta mengikuti perkembangan mereka untuk membantu membimbing mereka daripada terjebak dengan amalan negatif yang boleh membentuk mereka menjadi manusia yang tidak produktif perlulah diperhalusi. Justeru, pengkaji mencadangkan kajian-kajian lanjut yang memberi focus kepada setiap faktor dan melihat perkaitan setiap faktor tersebut dijalankan bagi mencari satu penyelesaian yang jitu demi memastikan generasi akan datang bebas masalah sosial.

Rujukan

- Abd. Rahim Abd. Rashid, (2006). *Menangani Perkembangan dan Masalah Tingkah Laku Remaja Dalam Keluarga*. Pusat Pembangunan Keluarga. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin dan Che Hashim Hassan (2006). *Krisis & Konflik Institusi Keluarga*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur
- Abd. Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin dan Jamaludin Tubah (2006). *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur
- Azizi Yahaya dan Rosnah Buang (2007). *Punca Berlakunya Masalah Gejala Gengsterisme Di Kalangan Remaja Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Di Empat Buah Negeri*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia
- Badlihisam Mohd Nasir, Anuar Puteh, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha Mohktar & Abu Dardaa. (2014). *Gejala Sosial Di Felda Gugusan Chini Pahang: Faktor Dan Cara Mengatasinya. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik*. Retrieved from <http://www.ukm.my/rsde/wp-content/uploads/2014/11/33-GEJALA-SOSIAL-DI-FELDA.pdf>

- Calhoun, G., Jurgens, J. & Chen, F. (1993). Juvenile delinquency: Trends, problems and causes. Kertas kerja dibentangkan dalam seminar delinkuensi juvana, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Farahwahida Mohd. Yusof & Norazila Binti Sugiman (2011). Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam Terhadap Amalan Seks. *Journal of Education Psychology & Counseling, volume 1 Mac 2011*, 94-114. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/12173/1/JEPC-2011-1-006.pdf>
- Haslina Hassan (Jun 2000). *Gejala Gengsterisme Di Kalangan Pelajar. Fenomena yang Semakin Meresahkan*. Dewan Masyarakat. 14-27.
- Mohammad Abu Bakar Bin Shis (2010). Kajian Gejala Sosial Di Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Yang Menetap Di Kolej Sembilan (K9), Kolej Sepuluh (K10), Dan Kolej Perdana (Kp) Universiti Teknologi Malaysia. *Universiti Teknologi Malaysia*. Retrieved from http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkghdfwp2/p_2010_9754_3a53f5dfd6ba4380888a15a8948a3d4b.pdf
- Moha Nasir Masroom (2004). *Persepsi Pelajar Terhadap Isu-Isu Sosial: Satu Tinjauan Di Universiti Teknologi Malaysia Skudai*. Universiti Teknologi Malaysia. Skudai
- Mohamad Nazrin Helmi Awang (2018). Persepsi Pelajar Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keterlibatan Pelajar Dalam Masalah Sosial. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam, Medc2018*, 1129-1136.
- Mohd Aishamuddin b Yaakob (2018) . Kajian Gejala Sosial Di Kalangan Pelajar Semester Akhir Kolej Komuniti Arau: Academia Arau. *Prosiding Seminar HEP Kebangsaan Kolej Komuniti 2015*
- Mohd Dahlan A. Malek & Ida Shafinaz Mohamed Kamil (2010) Jenayah Dan Masalah Sosial Di Kalangan Remaja: Cabaran Dan Realiti Dunia Siber. *Universiti Malaysia Sabah*. Retrieved from <http://eprints.ums.edu.my/117/1/CONF2010004.pdf>
- Nurul Hidayah Bahaudin (25 Oktober 2018). 1,440 Kes Jenayah Pelajar Tahun Lalu. *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/10/389306/1440-kes-jenayah-pelajar-tahun-lalu>
- Pecah rumah sewa pelajar IPT (26 Mac 2014). *Sinar Harian*. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/mobile/politik/pecah-rumah-sewa-pelajar-ipt-1.264094>
- Pelajar IPTA antara ditahan curi kenderaan (11 Mac 2014). *Sinar Harian*. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/politik/pelajar-ipta-antara-ditahan-curi-kenderaan-1.259041>
- Rokiah Ismail (2000). Salah Laku di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Pengalaman Bersama Keluarga, Rakan Sebaya dan Sekolah. Dalam *Negara Pasaran dan Pemodenan Malaysia*, disunting oleh Abdul Rahman Embong. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi

- Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari, Asnarul Abu Samah, Tan Jopei, Amna Md. Nor & Mansor Abu Talib. (2005). Predictors of conduct problems among school-going adolescents in West Malaysia. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*, 2, 92-107
- Usman Ahmad Karofi (2005). Perhubungan di Antara Penyalahgunaan Dadah dan Tingkahlaku Jenayah: Satu Kajian Kes di Dua Pusat Pemulihan Dadah Kerajaan di Pulau Pinang, Malaysia. *Tesis PhD*. Universiti Utara Malaysia
- Wan Norina W.H.,Zaharah,H.,Ahmad, F.,Mohamed ,Y., & Ahmad Arifin,S.(2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. Januari 2013, Vol.1 , Issue 1. Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad (2004). *Panduan Mengurus Remaja Moden*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. Bentong
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling, volume 1 Mac 2011*, 115-140
- Zaliha Kamaruddin et.al. (2008). Social Problems And Its Relationships With Family Institutions In Felda Settlements: The Local Perspective. *Malaysian Journal of Social Policy and Society* 5. 120-143